

Nilai semula kadar imbangan dagangan makanan negara

Isu kecukupan bekalan makanan negara mutakhir ini menjadi agenda utama perbincangan kebanyakan penganalisis dan penggubal dasar terutama dalam konteks perdagangan bebas Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik. Antara petunjuk utama kepada kadar kecukupan bekalan makanan adalah kadar imbangan dagangan.

Mengikut laporan rasmi, defisit imbangan dagangan makanan negara tidak menunjukkan perubahan ketara antara 2010 dan 2014, iaitu meningkat pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 8.9 peratus setahun.

Hal ini disumbang oleh eksport makanan yang meningkat pada kadar purata 9 peratus daripada RM18.2 bilion pada 2010 kepada RM25.6 bilion pada 2014.

Dalam tempoh sama, import makanan turut meningkat

pada kadar purata 9 peratus setahun, iaitu daripada RM30.3 billion kepada RM42.6 bilion.

Defisit di dalam imbangan dagangan makanan yang besar menunjukkan kadar keberuntungan tinggi kepada import untuk memenuhi keperluan permintaan makanan dalam negara. Bagaimanapun, perangkaan eksport dan import diguna pakai untuk mengira imbangan dagangan makanan didapati terlebih anggar. Nilai eksport dan import yang dianalisis tidak mengasingkan nilai produk 'eksport semula'.

Mengikut definisi Jabatan Perangkaan, sesuatu produk dianggap sebagai eksport semula apabila ia dibawa keluar dari negara dalam keadaan seperti mana ia diimport tanpa mengalami sebarang perubahan rupa. Proses membungkus semula, menyisih atau menggred tidak dikira sebagai

satu proses perubahan rupa.

Ini bermakna produk eksport semula bukanlah untuk kegunaan domestik dan nilainya perlu diasingkan daripada jumlah keseluruhan eksport dan import makanan negara.

Apabila nilai eksport semula diasingkan daripada eksport dan import, didapati perangkaan sebenar eksport dan import makanan lebih rendah.

Misalnya, nilai eksport sebenar pada 2014 adalah 7.9 peratus lebih rendah iaitu RM23.5 bilion berbanding RM25.6 bilion seperti dilaporkan. Nilai import sebenar pula adalah 4.9 peratus lebih rendah, iaitu RM40.8 bilion berbanding RM42.6 bilion.

Eksport meningkat

Analisis mendapati pengaruh produk eksport semula adalah lebih besar ke atas nilai keseluruhan eksport makanan. Antara 2010 dan 2014, produk

eksport semula makanan meningkat pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 28.7 peratus setahun, daripada RM0.8 bilion kepada RM2.1 bilion. Daripada keseluruhan nilai ekport semula makanan pada 2014, hampir 50 peratus adalah disumbang oleh kumpulan barangan kopi, koko, teh dan rempah.

Peningkatan ketara aktiviti eksport semula ke atas produk makanan memberi dua implikasi. Pertama, ia tidak menyumbang kepada usaha untuk mengatasi masalah kecukupan pengeluaran makanan dalam negara.

Kedua, ia adalah aktiviti perdagangan yang memberi sumbangan sangat kecil kepada nilai tambah negara.



Dr Mohd Yusof Saari,
Institut Kajian Dasar
Pertanian dan Makanan,
UPM